

MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF

## Pengaruh *Tafsir al-Baghawi* dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*: Satu Pendekatan Genetik

**IKHTISAR:** *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan sebuah karya dalam bidang tafsir Al-Qur'an yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar. Namun, pengarang tidak menyatakan sumber rujukannya dengan konvensi dalam menghasilkan karya ini. Hal tersebut telah mengelirukan masyarakat mengenai kesahihan tafsiran-tafsiran ayat Al-Qur'an yang telah dibuat olehnya. Oleh itu, objektif utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengkaji dan mengesan teks asal yang bersumberkan daripada *Tafsir al-Baghawi*, yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*; di samping memperlihatkan bagaimana teks itu dipetik oleh pengarang. Proses menganalisis *Tafsir Nur al-Ihsan* akan menggunakan pendekatan genetik yang dikembangkan oleh pakar-pakar bahasa dan sastera dalam mengkaji teks asal tersebut. Dapatan analisis membuktikan bahawa Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar telah mengaplikasi lima cara ambilan teks yang dipetik daripada *Tafsir al-Baghawi* ketika menghasilkan karyanya, iaitu: (1) menukil teks secara sejajar; (2) menukil teks secara abstrak; (3) menggugurkan sebahagian kalimah yang terdapat dalam teks yang diambil daripada *Tafsir al-Baghawi*; (4) menambah huraian dalam teks yang diambil; dan (5) menyanggah sebahagian teks yang dirujuk.

**KATA KUNCI:** *Tafsir Nur al-Ihsan*, *Tafsir al-Baghawi*, Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar, pendekatan genetik, membuat bandingan, dan sumber rujukan asal.

**ABSTRACT:** "The Impact of *Tafsir al-Baghawi* towards the *Tafsir Nur al-Ihsan*: The Genetic Approach". *Tafsir Nur al-Ihsan* is a book in the field of Qur'anic exegesis written by Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar. However, there is a huge amount of denunciation done towards the book by the community due to the lack of clear resources in translating the verses of the Al-Qur'an. Causing confusion among the community on the legality of the translation done in the book. Therefore, the main objective of this research is to study and detect the original resources of the writer in the *Tafsir Nur al-Ihsan*, and expressing how the sources are taken from the Qur'anic verses. The analysis of *Tafsir Nur al-Ihsan* used the genetic approach which was developed by experts of language and literature in studying the origin of the resources. The result of the analysis proved that Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar implemented five methods: (1) which the text were referenced from *Tafsir al-Baghawi* while finishing his work which is quoting the text; (2) writing an abstract; (3) removal of some of the words; (4) adding explanation; and (5) refuting part of the text.

**KEY WORD:** *Tafsir Nur al-Ihsan*, *Tafsir al-Baghawi*, Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar, genetic approach, comparison, and reference.

### PENDAHULUAN

Al-Qur'an adalah kalam Allah yang tidak ada keraguan padanya, sebagai petunjuk kepada orang yang bertaqwa

(Basmeih, 2000). Al-Qur'an adalah kitab samawi dan diriwayatkan secara *mutawatir*, serta diperkuatkan dengan tulisan sejak mula ia diturunkan yang

**About the Author:** Mohd Sholeh Sheh Yusuff ialah Pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM (Universiti Sains Malaysia), Pulau Pinang, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: [abuiffah@ymail.com](mailto:abuiffah@ymail.com)

**How to cite this article?** Sheh Yusuff, Mohd Sholeh. (2014). "Pengaruh *Tafsir al-Baghawi* dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*: Satu Pendekatan Genetik" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.2(2), September, pp.155-170. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808. Available online also at: <http://susurgalur-jksps.com/pengaruh-tafsir-al-baghawi/>

**Chronicle of the article:** Accepted (May 16, 2014); Revised (July 20, 2014); and Published (September 24, 2014).

menjadikan kekuatannya mengatasi lain-lain sumber. Hal yang tersebut itu telah memberi galakan kepada para ulama untuk menghasilkan karya-karya dalam bidang tafsir Al-Qur'an (Itr, 1996). Salah seorang ulama tersebut ialah Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi daripada Negeri Kedah di semenanjung Tanah Melayu, yang merupakan seorang tokoh ulama dan telah menghasilkan karya dalam bidang tafsir Al-Qur'an berbahasa Melayu, berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan* (Sheh Yusuff, 2013a).

Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi adalah antara tokoh terawal yang menghasilkan karya dalam bidang tafsir Al-Qur'an melengkap 30 juzuk Al-Qur'an (Zaim bin Ismail, 2010). Beliau menulis karya ini menggunakan tulisan Jawi, yang turut terpengaruh dengan istilah-istilah yang berhubung-kait dengan pekerjaan dan aktiviti masyarakat setempat, seperti perkataan "*bendang, perhumaan, pokok padi, tanam padi*", kerana beliau terkesan dengan salah satu pekerjaannya, iaitu pesawah (Abdul Rahman, 2010).

*Tafsir Nur al-Ihsan* dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam empat jilid dan setiap jilid disusun mengikut surah-surah Al-Qur'an. Jilid pertama merangkumi surah *Al-Fatihah* hingga surah *Al-Ma'idah*, mengandungi 259 halaman dan 72 tajuk perbahasan. Jilid kedua merangkumi surah *Al-An'am* hingga surah *Hud*, mengandungi 355 halaman dan 48 tajuk perbahasan. Jilid ketiga merangkumi surah *Al-Kahf* hingga surah *Al-Zumar*, mengandungi 363 halaman dan 68 tajuk perbahasan. Jilid keempat pula merangkumi surah *Al-Mu'min* hingga surah *Al-Nas*, mengandungi 317 halaman dan 85 tajuk perbahasan (Said bin Umar, 1391 H/1970 M).

Oleh itu, keseluruhan halaman keempat-empat jilid karya *Tafsir Nur al-Ihsan* ialah 1,294 halaman dan 273 tajuk perbahasan. Pengarang

mengambil masa selama dua tahun sembilan bulan untuk melengkap keempat-empat jilid karya ini.

Pengarang mula menulis karya *Tafsir Nur al-Ihsan* pada bulan Januari 1925 dan selesai ditulis pada satu bulan Oktober 1927 pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, iaitu Sultan Kedah yang ke-25 (Said bin Umar, 1391 H/1970 M).

*Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan sebuah karya yang masih digunakan sehingga kini sebagai panduan dan menjadi bahan pengajaran, terutama di institusi-institusi pengajian pondok, madrasah, masjid, surau, dan pusat pengajian awam lainnya di utara semenanjung Malaysia sehingga di selatan daripada negara Thailand (Zaim bin Ismail, 2010). Walaupun begitu, dalam karya ini, Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi tidak menyatakan sumber ambilan dengan jelas ketika mentafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an. Hal tersebut telah mengelirukan masyarakat mengenai kesahihan tafsiran-tafsiran yang telah dibuat olehnya (Zaim bin Ismail, 2010).

Penulisan karya *Tafsir Nur al-Ihsan* mempunyai kekurangan, kerana di dalam karya ini terdapat kekurangan gaya penulisan yang tidak dinyatakan sumber ambilan fakta dan kekurangan yang disebabkan pengarang banyak menggunakan pendapat yang tidak berasas didalam pentafsirannya. Kisah-kisah yang terkandung didalam karya *Tafsir Nur al-Ihsan* juga diragukan, kerana pengarang tidak menerangkan sumber ambilannya secara jelas. Justeru, masyarakat dianjurkan supaya berhati-hati ketika membaca dan merujuknya pada bahagian-bahagian yang tertentu, seperti kisah-kisah yang berkaitan dengan *al-Isra'iliyyat* (Ismi bin Mat Taib, 2003).

Memikirkan *Tafsir Nur al-Ihsan* masih digunakan sebagai bahan pengajaran dalam tafsiran Al-Qur'an dan rujukan masyarakat dalam memahami ayat-ayat

suci Al-Qur'an, maka usaha pemurnian karya ini wajar dilakukan. Salah satu bentuk usaha tersebut adalah melalui kajian yang menggunakan pendekatan genetik. Dalam menjalankan penyelidikan ini, pengkaji mengaplikasi kajian sumber dan kajian penerimaan yang merupakan kaedah-kaedah kajian dalam pendekatan genetic (Abdul Aziz, 2001). Melalui kajian sumber, pengkaji akan merungkai dan mengenal-pasti sumber ambilan teks yang telah dirujuk oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*.

Manakala kajian penerimaan pula akan melihat bagaimana pengarang memmanifestasi teks yang dirujuk kedalam karyanya itu (Abdul Aziz, 2001). Selain itu, penyelidikan yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada teks daripada *Tafsir al-Baghawi* yang dirujuk oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi sebagai satu usaha awal ke arah pemurnian *Tafsir Nur al-Ihsan* dan juga sebagai contoh kebolehan mengaplikasikan pendekatan genetik kepada karya ini, yang seterusnya boleh dikembangkan kepada karya-karya rujukan lain, yang menyumbang ke arah kesempurnaan karya *Tafsir Nur al-Ihsan*.

### **PENDEKATAN GENETIK**

Pengaruh dan mempengaruhi dalam dunia kesusasteraan merupakan suatu fenomena yang telah diperbincangkan sejak zaman Plato dan Aristoteles, bahkan lebih awal dari itu lagi. Pengaruh adalah sesuatu yang mudah terjadi di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Pengaruh paling mudah diterima oleh penulis yang baru hendak menapak, dan ia datang daripada penulis yang telah lama dan mantap (Ronidin, 2011).

Fenomena pengaruh mendapat tempat dalam kajian bandingan melalui pendekatan genetik. Melalui pendekatan genetik, pengkaji meneliti dan memperlihatkan asal-usul sebuah karya

yang ditulis; atau bagaimana sesebuah karya tertentu telah mempengaruhi penulisan karya lain pula (Abdul Aziz, 2001). Sebagai contoh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* oleh Abdullah Basmeih telah terpengaruh dengan *Tafsir al-Tabari* oleh Ibn Jarir, *Tafsir Ibn Kathir* oleh Ibn Kathir, dan *Ruh al-Ma'ani* oleh Al-Alusi (Basmeih, 2000).

Pada awalnya, seorang pengarang menulis karyanya sendiri setelah beliau melihat, meresapi, dan menyerap teks daripada karya lain yang telah menarik perhatiannya, sama ada secara sedar ataupun tidak sedar. Pengarang mengolah dan mencampur-adukkan teks rujukan asal dan struktur sebuah karya yang dibaca, lalu beliau memindahkan teks tersebut kedalam karyanya sendiri (Ronidin, 2011).

Perkataan "genetik" berasal dari kata dasar *gene*; dan dalam bahasa Yunani, *genea* bermaksud *breed*, *kind*, dan *gene* bererti benih. Pendekatan genetik ini merupakan penelitian terhadap hubungan antara karya-karya yang memperlihatkan persamaan berdasarkan faktor benih atau asal-usul. Perkataan lain yang sehubungan dengannya ialah *genesis* yang mencakupi hal asal-usul, penghasilan, dan penciptaan (Zein Sinar, 2003).

Menurut Ronidin (2011), pendekatan genetik juga dikenali sebagai kajian pengaruh dan mempengaruhi dalam sesebuah karya. Pendekatan ini lebih tepat dikatakan sebagai kajian sumber atau kajian asal-usul yang membincangkan dari mana sebenarnya sesuatu pengaruh itu datang.

Menurut Muhammad Bukhari Lubis (1994), pendekatan genetik terbahagi kepada lima aspek, iaitu: pengaruh, adaptasi, plagiat, peniruan, dan terjemahan. Di antara kelima aspek itu yang agak sukar untuk dipisahkan ialah antara peniruan dan pengaruh. Hal ini disebabkan untuk menilai sesebuah karya, sama ada ia meniru atau telah terpengaruh dengan karya lain, sebenarnya hanya diketahui oleh

pengarang karya itu sendiri, kerana yang dapat membezakan antara peniruan dan pengaruh adalah unsur yang melibatkan perbuatan sengaja dan tidak sengaja. Hal ini bermaksud, apabila pengarang membuat peniruan, beliau melakukannya dengan sengaja dan sedar; sebaliknya, pengaruh pula terjadi ketika pengarang melakukannya secara tidak sengaja.

Namun, amat jarang seseorang pengarang yang secara jujur mengakui bahawa karya tulisannya itu adalah melalui peniruan ataupun terpengaruh (Bukhari Lubis, 1994). Bahkan J.T. Shaw pula menyatakan seperti berikut:

Seorang penulis boleh dikatakan terpengaruh oleh seorang penulis asing, apabila bukti-bukti dari luar dapat dijadikan bahan kajian yang cukup meyakinkan. Berlainan dengan peniruan, karya penulis yang terpengaruh adalah asli sebagai haknya. Pengaruh adalah sesuatu yang amat luas terjadi di mana-mana dan pada bila masa jua (Shaw, 1990).

Mujizah (2012) pula menjelaskan bahawa perbincangan pendekatan genetik berkait rapat dengan hal kemanusiaan. Pendekatan ini turut membincangkan latar belakang seorang pengarang, seperti keturunan, kehidupan, dan objek yang berada di sekeliling pengarang. Gustaf Sitepu (2009) berpandangan bahawa setiap karya yang telah dihasilkan mempunyai dua hubungan, iaitu hubungan dengan dunia pengarang sendiri dan hubungan dengan dunia di sekeliling pengarang.

Dalam menilai hal-hal yang berkaitan dengan hubungan sebuah karya dengan keadaan sekeliling pengarang, atau dengan kata lain pengaruh persekitaran yang memberi kesan kepada proses penulisan pengarang, terdapat tiga perkara yang harus diteliti. *Pertama*, sosiologi pengarang yang difokuskan kepada latar belakang pengarang. *Kedua*, kandungan karya dengan menitikberatkan perhatian terhadap isi karya, tujuan, dan masalah yang

terdapat dalam karya berkenaan. *Ketiga*, keadaan pembaca dimana perhatian akan diberikan kepada bagaimana pembaca boleh menerima dan memahami kandungan karya yang bakal dihasilkan itu (Sitepu, 2009).

Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2001), pendekatan genetik melibatkan tiga pola kajian, iaitu: kajian sumber, kajian pengantara, dan kajian penerimaan. Kajian sumber ialah satu pendekatan yang meneliti sumber asal sebuah karya atau asal-usulnya. Kajian sumber membandingkan karya asal dengan karya yang dipengaruhi, yang melihat aspek dalaman dan luaran karya. Manakala kajian pengantara ialah pendekatan yang meneliti karya yang menjadi pengantara antara karya asal dan karya yang menerima pengaruh. Antara karya pengantara itu ialah karya terjemahan (Abdul Aziz, 2001).

Kajian penerimaan pula menganalisis bagaimana sesuatu pengaruh yang diterima oleh seorang pengarang dimanifestasikan dalam karya yang sedang dihasilkan. Kajian penerimaan menyamai kajian sumber. Hal ini disebabkan kedua kajian berkenaan akan menggali dan menganalisis kedua-dua karya, iaitu karya asal dan karya yang dipengaruhi. Walaupun begitu, fokus kajian adalah tentang bagaimana pengaruh itu dimanifestasikan oleh seorang pengarang kedalam karyanya (Abdul Aziz, 2001).

Sungguhpun pendekatan genetik mempunyai tiga pola kajian, namun artikel ini hanya mengaplikasi dua daripadanya sahaja, iaitu: kajian sumber dan kajian penerimaan; kerana menepati tujuan penelitian ini, iaitu mencari teks asal yang dirujuk oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*; dan memperlihatkan bagaimana pengarang memanifestasikan teks yang dirujuk itu kedalam karyanya.

#### ***Mengenai Kajian Sumber.***

Menerusi kajian sumber, pengkaji



menganalisis teks asal daripada *Tafsir al-Baghawi* yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam menghasilkan karya berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan*. Dalam penyelidikan bidang pengajian Islam, terdapat pendekatan lain yang hampir sama dengan pendekatan genetik. Antaranya ialah *pentahkikan teks* (Wan Abdullah, 2008); *kajian takhrij Hadist* (Zaim bin Ismail, 2010); *kajian pengaruh* (Nazri Ahmad, 2004); dan *teknik menganalisis dokumen* (Rajab & Abu Bakar, 2011).

Walaupun begitu, aspek yang membezakan di antara pendekatan-pendekatan tersebut dengan pendekatan genetik ialah lebih tertumpu kepada isi kandungan karya, tanpa melihat pengaruh-pengaruh yang berkaitan dengan diri pengarang dan persekitarannya. Pendekatan genetik memberi perhatian kepada dua aspek kajian, iaitu intrinsik dan ekstrinsik, yang dipengaruhi oleh karya yang menjadi pengaruh itu. Sohaimi Abdul Aziz menyatakan seperti berikut:

Dalam pendekatan genetik, apabila proses perbandingan dibuat untuk memperlihatkan sumber kreatif pengarang, maka dua aspek diambil kira, iaitu aspek intrinsik dan ekstrinsik, yang mempengaruhi penulisan karya berkenaan (Abdul Aziz, 2001).

Menerusi petikan di atas menjelaskan bahawa apabila pengkaji ingin mencari teks asal bagi karya *Tafsir Nur al-Ihsan*, proses penelitian memestikan pengkaji membuat perbandingan di antara *Tafsir Nur al-Ihsan* dengan *Tafsir al-Baghawi*. Proses perbandingan ini adalah untuk mengetahui persamaan dan perbezaannya. Jika teks yang ditulis sejajar dengan teks yang dirujuk, maka ia memperkukuhkan tafsiran-tafsiran yang dibuat oleh pengarang. Namun sebaliknya, jika teks yang ditulis itu berbeza pula dengan teks daripada *Tafsir al-Baghawi*, maka hal ini menimbulkan kekeliruan terhadap teks

yang ditulis oleh pengarang itu. Selain itu, dalam masa yang sama, pengkaji juga harus melihat aspek intrinsik dan ekstrinsik yang berkaitan dengan kandungan *Tafsir Nur al-Ihsan* dan pengarangnya, iaitu Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi.

Suripan Sadi Hutomo (1993) turut membahaskan bahawa keterlibatan kajian sumber dalam menjalankan penyelidikan dilandaskan kepada tiga perkara. *Pertama*, afiniti iaitu keterkaitan unsur-unsur intrinsik dalam sesebuah karya, misalnya unsur struktur, gaya, tema, suasana yang terkandung di dalam karya, dan lain-lain yang dijadikan sebagai bahan ketika proses penulisan sebuah karya. *Kedua*, tradisi iaitu unsur yang berkaitan dengan sejarah dan latar belakang penulisan sebuah karya, ialah unsur-unsur ekstrinsik. *Ketiga*, yang berkaitan dengan pengaruh-mempengaruhi antara sebuah karya dengan karya lain. Bahagian ketiga ini merupakan perkara terpenting kerana ia berupaya memperlihatkan sumber-sumber asal yang digunakan sebagai rujukan pengarang dalam menulis sesebuah karya yang menjadi inspirasinya, hubungan sesama pengarang seperti pengaruh pendidikan dan persekitaran, dan lain-lain kaitan yang terkandung didalam karya yang dikaji (Sadi Hutomo, 1993).

Menurut Suwardi Endraswara (2011) pula, kajian sumber dalam pendekatan genetik memandang sebuah karya dari dua sudut, iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Kajian yang menggunakan pendekatan ini terlebih dahulu akan mendahulukan unsur intrinsik yang terdapat dalam sebuah karya sebagai dapatan awal. Selanjutnya, penelitian akan berusaha menghubungkan dan mengaitkan pelbagai unsur yang berkaitan dengan latar belakang pengarang karya tersebut dan masyarakatnya. Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku pada zaman pengarang akan dihubungkan dengan

unsur-unsur intrinsik dalam sebuah karya yang dikaji (Endraswara, 2011).

### **Mengenai Kajian Penerimaan.**

Selain kajian sumber, pendekatan genetik juga memberi perhatian kepada kajian penerimaan. Menurut Sohaimi Abdul Aziz:

Kajian penerimaan menganalisis bagaimana sesuatu pengaruh yang diterima oleh seseorang pengarang dimanifestasi dalam karya yang dihasilkannya. Kajian sumber (*emetteure*) dan kajian penerimaan (*recepteurs*) merupakan kajian yang berhubungan (Abdul Aziz, 2001).

Petikan di atas menyatakan bahawa kajian penerimaan menganalisis bagaimana sesuatu pengaruh yang diterima oleh seorang pengarang dimanifestasikan dalam karya yang dihasilkannya. Kajian penerimaan, seperti juga dengan kajian sumber, dimana keduanya memastikan pengkaji mengetahui isi kedua-dua karya, iaitu karya asal dan karya yang dipengaruhi. Namun fokus kajian penerimaan adalah tentang bagaimana pengaruh itu dimanifestasikan kedalam karya. Hal ini bermaksud, apabila kajian sumber diaplikasi dalam mengkaji sumber rujukan asal yang diguna oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi ketika menulis karya *Tafsir Nur al-Ihsan*, maka pengaplikasian kajian penerimaan hendaklah disekalikan untuk melihat bagaimana pengarang memanifestasi pengaruh yang diterima dari karya yang menjadi pengaruh, iaitu *Tafsir al-Baghawi*.

Melalui pengaplikasian kajian penerimaan, secara umumnya diketahui bahawa terdapat beberapa bentuk yang berlaku ketika seorang pengarang memanifestasi sumber tertentu didalam karyanya, iaitu adaptasi, plagiat atau ciplakan, terjemahan, dan peniruan (Abdul Aziz, 2001). Namun, dalam konteks penyelidikan ini didapati bahawa Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam *Tafsir*

*Nur al-Ihsan* telah memanifestasi lima bentuk ambilan ketika menggunakan teks daripada *Tafsir al-Baghawi*, iaitu: (1) menukil teks secara sejajar; (2) menukil teks secara abstrak; (3) menggugurkan sebahagian kalimat yang terdapat dalam teks yang diambil guna; (4) menambah huraian dalam teks yang diambil; dan (5) menyanggah sebahagian teks yang dirujuk.

### **PRINSIP-PRINSIP PENDEKATAN GENETIK**

Dua aspek akan diteliti dalam mengkaji pengaruh daripada sumber asal, iaitu aspek intrinsik dan ekstrinsik. Aspek intrinsik meneliti kandungan karya *Tafsir Nur al-Ihsan*, manakala aspek ekstrinsik meneliti hal-hal di luar karya *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu pengarangnya.

Aspek intrinsik yang diteliti dalam kajian sumber meliputi hal-hal yang berhubungan dengan aspek dalaman karya. Perkara-perkara yang dianalisis ialah aspek yang berkaitan dengan struktur karya seperti tema, bahasa, gaya, dan sebagainya. Dalam hal ini, J.T. Shaw menyatakan seperti berikut:

Pengaruh paling berkesan dimanfaatkan dalam bentuk intrinsik dalam karya itu sendiri. Ia juga boleh dikesan pada gaya, imej, watak, tema, perilaku, pemikiran, idea seperti dalam karya *Weltanschauung* (Shaw, 1990).

Melalui petikan di atas dapat difahami bahawa kajian yang dilakukan mestilah di sekitar hal-hal yang berkaitan dengan unsur struktur sesebuah karya yang dapat membuktikan bahawa seseorang pengarang itu telah dipengaruhi oleh pengarang yang lain dalam sesebuah karya. Pengaruh intrinsik dalam sesebuah karya yang dikaji dapat dilihat kepada bagaimana seorang pengarang menyusun karyanya sendiri dan adakah penyusunan tersebut ada kaitan dengan karya-karya rujukannya.

Merujuk karya *Tafsir Nur al-Ihsan*,

pentafsiran Al-Qur'an didalam karya ini telah disusun mengikut surah-surah Al-Qur'an. Karya ini melengkapi tafsiran 30 juzuk Al-Qur'an, mencakupi penerangan mengenai *sabab* nuzul ayat, Hadist *Nabawi*, *Al-Isra'iliyyat*, fadilat-fadilat, permasalahan fiqah, ayat *Al-Mutashabihat*, *Al-Nasikh*, dan *Al-Mansukh*, serta kisah-kisah umat terdahulu (Said bin Umar, 1391 H/1970 M).

Karya *Tafsir Nur al-Ihsan* ini juga dimulai dengan pendahuluan, atau disebut *muqaddimah*, yang menyatakan tujuan dan kaedah yang digunakan oleh pentafsir ketika menjelaskan tafsirannya, dan setiap surah yang ingin ditafsir akan dimulai dengan nama surah, status surah, sama ada *Makkiyyah* atau *Madaniyyah*, di samping disertai dengan bilangan ayat dan sebab dinamakan surah itu. Struktur karya seperti ini adalah sejajar dengan *Tafsir al-Baghawi* oleh Abu Muhammad Husayn Ibn Mas'ud al-Farra' al-Baghawi (al-Baghawi, 1409 H/1988 M), yang menjadi karya rujukan Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan* (Said bin Umar, 1391 H/1970 M).

Selain itu, unsur ekstrinsik juga menjadi aspek perbandingan dalam pendekatan genetik. Ekstrinsik bermaksud unsur yang berada di luar karya seperti aspek pengarang. Sohaimi Abdul Aziz (2001) menyatakan bahawa aspek ekstrinsik dikaitkan dengan latar belakang pengarang, yang turut memberi kesan kepada penghasilan sebuah karya.

J.T. Shaw (1990) juga menyatakan bahawa pengaruh ekstrinsik boleh berlaku didalam atau melewati garis genre. Hal yang demikian itu bermaksud bahawa teks yang dihasilkan mengenai perbincangan sesuatu perkara adalah disebabkan terpengaruh dengan latar belakang pengarang itu sendiri. Umpamanya, jika pengarang seorang doktor perubatan, penulisannya lebih

cenderung kepada ilmu perubatan; dan jika dia seorang ahli fiqah sudah tentu penulisannya juga ke arah ilmu fiqah. Justeru, J.T. Shaw menjelaskan seperti berikut:

Sebuah karya tetap mempengaruhi pengarang-pengarang yang membaca dan menelitinya, dan kajian tentang hal ini terus menyeronokkan. Tidak kurang wujudnya pengaruh terhadap pengarang sebagai seorang insan, sebagai pengaruh isi dan bukannya hanya terhenti kepada bentuk atau tema karya sahaja (Shaw, 1990).

Sebagai contoh, untuk mengkaji sumber kreatif Syeikh Abd al-Rauf al-Singkeli daripada Aceh Darussalam, Indonesia, dalam menghasilkan *Tarjuman al-Mustafid*, perbandingan boleh dibuat dengan karya yang didapati mempunyai kaitan dengannya, seperti *Tafsir al-Baydawi* yang dikarang oleh Nasir al-Din al-Syairazi (Wan Abdullah, 2008), dan latar belakangnya. Melalui perbandingan itu, pertalian bakal dapat dilihat daripada aspek intrinsik dan ekstrinsik antara *Tarjuman al-Mustafid* dan *Tafsir al-Baydawi*.

Menerusi contoh yang lain dapat dilihat kepada seorang penulis terkenal yang lebih dikenali dengan HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah) daripada *ranah* Minang, Sumatera Barat, Indonesia. Beliau telah menulis sebuah buku berjudul *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck*, yang terpengaruh dengan karya berjudul *Madjdulin* yang dikarang oleh Al-Manfaluti, atau karya berjudul *Atheis* oleh Achdiat K. Mihardja, yang terpengaruh dengan karya berjudul *Max Havelar* oleh Multatuli. Dengan demikian, hubungan antara teks kedua karya yang dihasilkan dapat dilihat dari aspek instrinsik dan ekstrinsiknya (dalam Ronidin, 2011).

Menurut Umar Junus (1996) pula bahawa tidak ada prasangka terhadap kajian ekstrinsik, kerana ia cuba menghubungkan ciptaan sebuah karya dengan dunia pinggir yang berada

di luar kotak karya. Umar Junus menjelaskan bahawa dalam pendekatan genetik, aspek ekstrinsik adalah suatu perkara yang penting dalam menjalankan kajian. Hal ini disebabkan pengkaji dapat menghubungkan penghasilan sesebuah karya oleh seseorang pengarang dengan perkara-perkara yang mungkin berlaku di persekitaran pengarang ketika beliau sedang menulis (Junus, 1996).

Pengkajian tersebut dapat menyelami rahsia-rahsia yang tersembunyi di sebalik karangannya itu dan mengetahui keadaan dan kondisi sebenar ketika karya itu dihasilkan. Contohnya, karya *Tarjuman al-Mustafid* oleh Syeikh Abdul Rauf al-Singkeli, yang telah diselidiki berkaitan aspek ekstrinsik, didalamnya didapati bahawa kondisi masyarakat Aceh pada waktu itu telah jauh dari ajaran Islam. Mereka melakukan amalan-amalan yang ditegah agama, seperti berjudi, berzina, dan pembunuhan, sehingga Syeikh Abdul Rauf al-Singkeli terpanggil untuk menghasilkan *Tarjuman al-Mustafid* demi menyelesaikan masalah masyarakat Aceh pada waktu itu (Wan Abdullah, 2008).

Ali Ahmad (1988) juga merumuskan bahawa dalam membahaskan aspek ekstrinsik, pengkaji harus menitikberatkan hal-hal seperti hubungan dengan pengarang dan hubungan dengan karya-karya yang lain. Hubungan dengan pengarang merungkai persoalan bagaimana dengan penulisnya? Seseorang akan bertanya sambil menekankan bahawa tanpa penulis tidak akan lahir sebuah hasil karya, dan sesebuah hasil karya itu boleh juga dilihat kedudukannya dengan agak memuaskan jika ia diperbandingkan dengan satu hasil yang lain atau diletakkan pada satu jangka waktu tertentu di dalam sejarah penghasilan karya. Walau bagaimanapun, Ali Ahmad menekankan bahawa aspek ekstrinsik yang dimaksudkan ialah hal-hal yang

berkaitan dengan pengarang karya itu sendiri (Ahmad, 1988).

### **ANALISIS PENGARUH TAFSIR AL-BAGHAWI TERHADAP TAFSIR NUR AL-IHSAN**

*Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan sebuah karya penting, yang telah dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi. Beliau mula menghasilkan karya tersebut pada bulan Zulhijjah 1344 Hijriah, bersamaan dengan Januari 1925 Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibn al-Marhum Sultan Ahmad Taj al-Din Mukarram Shah (1881-1943), Sultan Kedah yang ke-25. Penulisan karya ini memakan masa selama dua tahun sembilan bulan untuk disiapkan, dan ia telah berjaya diselesaikan pada hari Rabu, satu Rabiul Akhir 1346 Hijrah, bersamaan dengan satu Oktober 1927 Masihi (Said bin Umar, 1391 H/1970 M).

*Tafsir Nur al-Ihsan* mula dicetak dengan cetakan pertamanya pada tahun 1934 Masihi di Mekah oleh Maktabah wa-Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa-Awladih, dan cetakan kedua pada tahun 1936 Masihi di Pulau Pinang, semenanjung Tanah Melayu. Cetakan ketiga karya ini adalah pada tahun 1391 Hijriah bersamaan tahun 1970 Masihi oleh Percetakan Al-Muarif Sdn Bhd (Sendirian Berhad), Matba'ah bin Halabi di Fathani, Thailand Selatan, dan Maktabah wa-Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa-Awladih di Bangkok, Thailand. Sementara itu, terdapat juga cetakan yang diterbitkan oleh Dar al-Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah di Mesir pada tahun 1349 Hijriah (Zaim bin Ismail, 2010). Setiap cetakan karya ini perlu terlebih dahulu mendapat keizinan daripada waris Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi (Razak Hj Othman, 2012).

*Tafsir Nur al-Ihsan* bukan sahaja tersebar di negeri Kedah, bahkan di Perak Utara, Seberang Prai, Pulau Pinang, dan juga di Selatan Thailand



Jadual 1:

Cara Pengarang Memanifestasi Teks *Tafsir al-Baghawi*

Bil	Aspek	Sejajar	Abstrak	Gugur	Tambah	Sanglah	Jumlah
01	<i>Sabab Nuzul</i>	0	0	0	0	0	0
02	Hadist <i>Nabawi</i>	3	5	7	1	0	16
03	<i>Al-Isra'iliyyat</i>	1	3	2	2	1	9
04	<i>Nasikh Mansukh</i>	0	0	0	0	0	0
05	Fadilat	0	0	0	0	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>8</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>25</b>

(Abdul Rahman, 2010). *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan sebuah karya tafsir berbahasa Melayu, yang dikarang dengan menggunakan tulisan Jawi, telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam, khususnya di Malaysia, di samping ia juga merupakan satu usaha murni Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi yang telah mewariskannya kepada masyarakat sehingga ke hari ini (Zaim bin Ismail, 2010). Kandungan karya ini adalah lengkap dan menyeluruh mencakupi pelbagai perbincangan berkaitan dengan tafsiran ayat-ayat Al-Qur'an seperti *sabab nuzul* ayat, *fadilat-fadilat*, permasalahan fiqh, ayat *Al-Mutashabihat*, *Al-Nasikh* dan *Al-Mansukh*, serta kisah-kisah umat terdahulu (Said bin Umar, 1391 H/1970 M).

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menyelidik teks daripada *Tafsir al-Baghawi* yang dirujuk oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*. Penyelidikan ini dilakukan terhadap lima aspek yang dibincangkan dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, yang merangkumi: (1) *Sabab nuzul* ayat; (2) Hadist *Nabawi*; (3) Sumber *Al-Isra'aliyyat*; (4) Ayat *Al-Nasikh* dan *Al-Mansukh*; dan (5) *Fadilat*. Kelima-lima aspek ini dipilih disebabkan ia menjadi perbincangan utama pengarang dalam karya tersebut (Sheh Yusuff, 2013b).

Judul lengkap bagi karya *Tafsir al-Baghawi* ialah *Ma'alim al-Tanzil*. Karya ini dikarang oleh Muhammad Husayn Ibn Mas'ud al-Farra' al-Baghawi

(1409 H/1988 M). Beliau bermazhab Imam al-Shafie, merupakan seorang yang warak, zuhud, dan seorang yang beramal dengan ilmunya (al-Subhan Wa'iz, 1427 H). *Tafsir al-Baghawi* adalah sebuah karya pertengahan yang disaring daripada pendapat para sahabat, tabi'ien, dan ulama selepas mereka; dan telah diringkaskan oleh Syeikh Taj al-Din Abu Nasri 'Abd al-Wahhab ibn Muhammad al-Husayni. Pengarang menggunakan lafaz yang mudah dan ringkas, sangat cermat ketika menukilkan Hadist-hadist serta berusaha mengelak daripada sumber yang sangat lemah dan yang tidak ada kaitan dengan pentafsiran ayat suci Al-Qur'an (Wan Abdullah, 2008).

Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi menggunakan *Tafsir al-Baghawi* sebagai rujukannya terhadap dua aspek sahaja yang terkandung dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu Hadist *Nabawi* dan *Al-Isra'iliyyat*. Taburan teks berkenaan ialah lapan teks mengenai Hadist *Nabawi* dan empat teks tentang *Al-Isra'iliyyat*.

**Mengenai Cara Pengarang Memanifestasi Teks Tafsir al-Baghawi.** Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi telah memanifestasi lima bentuk ambilan dalam menggunakan teks yang dirujuk daripada *Tafsir al-Baghawi* ketika menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu: menukil teks secara sejajar, menukil teks secara abstrak, menggugurkan sebahagian kalimah yang terdapat dalam teks *Tafsir al-Baghawi*, menambah huraian dalam teks yang

diambil, dan menyanggah sebahagian teks yang dirujuk. Hal ini dapat dilihat menerusi jadual 1.

Menerusi jadual 1 dapat diketahui bahawa Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi telah mempraktikkan lima bentuk ambilan dalam memifestasi teks *Tafsir al-Baghawi* yang dirujuk ketika menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*. *Pertama*, beliau menukil teks secara sejajar daripada *Tafsir al-Baghawi*, dimana teks yang ditulis oleh beliau menyamai dengan teks asal daripada teks *Tafsir al-Baghawi*, sama ada dari segi susunan ayat dan maksud. Hanya empat teks dimana pengarang telah menukilnya secara sejajar daripada *Tafsir al-Baghawi*, iaitu tiga teks Hadist *Nabawi* dan satu teks tentang *Al-Isra'iliyyat*, di samping tiada teks mengenai *sabab* nuzul ayat, *Al-Nasikh* dan *Al-Mansukh*, serta fadilat. Contohnya, pengarang menyatakan seperti berikut:

Sabdanya *li Ali 'Umar* diberi pilih aku, maka aku pilih ini jika aku ketahu, aku lebih atasnya 70 diampun, maka aku lebih atasnya (Said bin Umar, 1391 H/1970 M).

Manakala teks daripada *Tafsir al-Baghawi* oleh Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409 H/1988 M) pula adalah seperti berikut:

وَقَالَ: أَحْزِرْ عَنِّي يَا عُمَرُ فَلَمَّا أَكْثَرْتُ عَلَيْهِ قَالَ: إِنِّي  
خَيْرٌ تُفَاخِرْتُهُ، لَوْ أَعْلَمُ أَنِّي إِن زِدْتُ عَلَى السَّبْعِينَ  
يُغْفَرُ لَكَ زِدْتُ عَلَيْهِ.

Kedua-dua teks di atas menjelaskan sabdaan Baginda SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) kepada Saidina Umar r.a. (*radiallahu anhu*) bahawa jika Baginda mengetahui bahawa Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) akan memberi pengampunan jika beristighfar melebihi 70 kali, nescaya Baginda SAW akan melakukannya. Kajian mendapati bahawa pengarang telah merujuk

teks daripada *Tafsir al-Baghawi*, lalu dimuatkan dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* secara sejajar tanpa penambahan ayat sedikit pun.

*Kedua*, pengarang menukil maksud teks yang terkandung didalam *Tafsir al-Baghawi*, lalu beliau memuatkannya kedalam *Tafsir Nur al-Ihsan*. Cara kedua ini bermaksud, ketika pengarang merujuk *Tafsir al-Baghawi* dan memahami isi kandungannya, beliau menterjemahkan pemahamannya itu kedalam karyanya, menerusi susunan ayat baharu dengan caranya yang tersendiri. Nukilan yang terhasil itu adalah berbentuk abstrak bersesuaian dengan karya asal yang dirujuk. Hanya maksud teks sahaja menyamai antara satu sama lain, tetapi bentuk teks adalah berbeza.

Terdapat lapan teks dimana pengarang berbuat demikian terhadap teks yang diambil daripada *Tafsir al-Baghawi*. Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi menggunakan lima teks daripada *Tafsir al-Baghawi* sebagai rujukannya dalam membahaskan Hadist *Nabawi* dan tiga teks mengenai *Al-Isra'iliyyat*, di samping tiada teks tentang aspek lain. Contohnya, pengarang menyatakan seperti berikut:

Sabda *al-Nabi anti haram 'alayh* engkau haram atasnya (Said bin Umar, 1391 H/1970).

Manakala teks daripada *Tafsir al-Baghawi* oleh Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409 H/1988 M) pula adalah seperti berikut:

فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: حرمت عليه.

Jika diteliti kepada kedua-dua teks di atas didapati bahawa keduanya menyatakan sabdaan Baginda SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) mengenai hukuman kerana melakukan *zihar*. Apabila seorang suami men-*zihar*

isterinya, maka perbuatan itu mengakibatkan dia haram berhubungan kelamin dengan isterinya, melainkan jika telah melaksanakan denda yang ditetapkan oleh agama. Kajian mendapati bahawa pengarang hanya memindahkan maksud teks tersebut didalam karyanya, sedangkan olahan ayat dilakukan sendiri oleh pengarang mengikut aspirasinya.

*Ketiga*, pengarang menggugurkan sebahagian ayat atau kalimah tertentu daripada *Tafsir al-Baghawi* setelah beliau menukil teks daripada karya berkenaan. Beliau melakukan hal demikian terhadap teks yang didapati terlalu panjang, sehingga memungkinkan karya yang dihasilkan itu sukar difahami oleh masyarakat. Pengguguran ini selalunya melibatkan data-data mengenai *Al-Isra'iliyyat*, yang mempunyai pelbagai pendapat dan perbincangan para ulama mengenainya, atau pendapat-pendapat lain yang dirasakan tidak sesuai jika dimuatkan bersama.

Oleh yang demikian, pengarang hanya memilih sebahagian pendapat sahaja untuk disesuaikan didalam karyanya dan sebahagian pendapat lain digugurkan. Terdapat sembilan teks dimana pengarang berbuat demikian terhadap teks yang diambil daripada *Tafsir al-Baghawi*; yang hanya berkait dengan perbincangan Hadist *Nabawi*, iaitu sebanyak tujuh teks; dan *Al-Isra'iliyyat* dua teks. Contohnya, pengarang menyatakan seperti berikut:

Sabda *al-Nabi* SAW setengah mukminin cerah *nur*-nya daripada Madinah kepada 'Udun dan San'a dan kurang hingga setengah cerah tempat kakinya sahaja, maka setengah diberi *nur* sebesar pokok kurma dan setengah sebesar lelaki yang berdiri dan setengah atas ibu tangannya, maka sekali padam dan sekali cerah (Said bin Umar, 1391 H/1970).

Manakala teks daripada *Tafsir al-Baghawi* oleh Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409 H/1988 M) pula adalah seperti berikut:

وقال قتادة: ذكر لنا أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "إن من المؤمنين من يبضيء نوره من المدينة إلى عدن أبين وصنعاء ودون ذلك حتى أن من المؤمنين من لا يبضيء نوره إلا موضع قدميه. وقال عبد الله بن مسعود رضي الله عنهما: يؤتون نورهم على قدر أعمالهم، فمنهم من يؤتى نوره كالنخلة، ومنهم من يؤتى نوره كالرجل القائم، وأدناهم نوراً من نوره أعلى إبهامه فيطفاً مرة ويؤتد مرة

Jika diperhatikan kepada kedua-dua teks di atas didapati bahawa keduanya membahaskan tentang keadaan orang yang beriman kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) di hari akhirat akan diselubungi cahaya mengikut kadar amalan mereka. Terdapat segolongan orang beriman yang diselubungi cahaya melangkaui jarak antara Madinah dan Yaman, terdapat juga golongan yang hanya bercahaya sekadar kawasan berdirinya sahaja. Ada yang sebesar pokok kurma dan ada juga yang hanya diberikan cahaya sebesar ibu jarinya sahaja. Walaupun kedua teks di atas membincangkan hal yang sama, namun pengarang telah menggugurkan kalimah-kalimah tertentu, seperti yang bergaris pada teks *Tafsir al-Baghawi*, kerana mengaplikasi langkah ketiga ini.

*Keempat*, cara yang dilakukan oleh pengarang ialah memperluaskan teks yang diambil guna jika dirasakan perlu penambahan huraian. Penambahan ini dilakukan bertujuan memudahkan masyarakat merujuk dan memahami kandungan *Tafsir Nur al-Ihsan*. Hanya terdapat tiga teks dimana pengarang membuat penambahan terhadap teks yang diambil daripada *Tafsir al-Baghawi*, iaitu satu teks Hadist *Nabawi* dan dua teks *Al-Isra'iliyyat*. Contohnya, pengarang menyatakan seperti berikut:

Empat ribu Rasul antara Musa dan Isa, kata setengah 70 ribu (Said bin Umar, 1391 H/1970).

Sedangkan teks daripada *Tafsir al-Baghawi* oleh Muhy al-Sunnah Abu

Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409 H/1988 M) pula adalah seperti berikut:

فما قتل نبي قط إلا قتل به سبعون ألفاً.

Kedua-dua teks menyatakan jumlah Nabi yang dibunuh oleh Bani Isra'il ialah seramai 70 ribu orang. Kajian memperlihatkan bahawa pengarang juga menambah keterangan didalam teksnya bahawa sebahagian ulama berpendapat, jumlah Nabi yang dibunuh oleh Bani Isra'il ialah seramai empat ribu orang. Hal ini dapat dilihat pada ayat "empat ribu Rasul" dalam teksnya.

*Kelima*, cara terakhir yang turut dilakukan oleh pengarang ialah menyanggah sebahagian teks daripada *Tafsir al-Baghawi* yang dirujuk. Penyanggahan yang dilakukan itu tidaklah begitu ketara, kerana ia hanya melibatkan terjemahan yang dilakukan terhadap teks yang dirujuk. Kajian mendapati bahawa penyanggahan ini terjadi disebabkan pengarang secara tidak mengaja telah melakukan kesilapan terjemahan terhadap teks *Tafsir al-Baghawi* yang diambil guna, dan dengan sendirinya cara terakhir ini teraplikasi.

Hanya terdapat satu teks yang disanggah oleh pengarang, iaitu teks mengenai *Al-Isra'aliyyat*, di samping tiada penyanggahan terhadap aspek-aspek lain. Sebagai Contoh, pengarang menulis seperti berikut:

Bahtera daripada kayu jati ditanamnya 100 tahun, kemudian dipotong perbuat bahtera itu 100 tahun, panjang 300 hasta, lebar 50 hasta, tinggi 30 hasta tiga lapis, maka binatang yang buas dan liar lapis bawah, binatang kambing an'm lapis tengah, Adam dengan anak-anaknya atas sekali telah dahulu 40 lelaki, 40 perempuan, maka tatkala banyak tahi-tahi binatang, diwahyu Allah kepada Nuh bahawa sentak ekor gajah, maka jatuh daripadanya babi jantan betina dan sapu atas babi betina keluar tikus makan tahi-tahi binatang itu, dan tatkala binasa tikus akan tali-tali bahtera, maka diwahyu

suruh pukul unta, dua mata harimau, maka keluar daripada lubang hidungnya kucing jantan, betina, maka makan ia akan tikus (Said bin Umar, 1391 H/1970).

Sedangkan teks daripada *Tafsir al-Baghawi* oleh Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi (1409 H/1988 M) pula adalah seperti berikut:

وقال ابن عباس: اتخذ نوح السفينة في سنتين وكان طول السفينة ثلاثمائة ذراع وعرضها خمسون ذراعاً وطولها في السماء ثلاثون ذراعاً، وكانت من خشب الساج وجعل لها ثلاثة بطون، فحمل في البطن الأسفل الوحوش والسيب والهوام، وفي البطن الأوسط الدواب والأنعام، وركب هو ومن معه في البطن الأعلى مع ما يحتاج إليه من الزاد... وعن زيد بن أسلم قال: مكث نوح عليه السلام مائة سنة يغرس الأشجار ويقطعها، ومائة سنة يعمل الفلك... ورؤي أنها كانت ثلاث طبقات، الطبقة السفلى للدواب والوحوش، والطبقة الوسطى فيها الإنس، والطبقة العليا فيها الطير فلما كثرت أرواث الدواب أوحى الله إلى نوح أن أعجز ذنب الفيل فغمزه فوقه منه خنزير وخنزيرة، فأقبل على الروث، فلما وقع الفار بجوف السفينة فجعل يقرضها ويقرض حبالها، فأوحى الله تعالى إليه أن اضرب بين عيني الأسد فضرب فخرج من منخره سنور وسنورة، فأقبل على الفار.

Kedua-dua teks di atas menjelaskan perihal bahtera Nabi Nuh dan muatannya. Menerusi teks *Tafsir Nur al-Ihsan*, terdapat sedikit perbezaan di antara teks pengarang dan teks *Tafsir al-Baghawi*, dimana pengarang menyatakan bahawa kedudukan binatang buas didalam bahtera Nabi Nuh adalah di lapisan bawah, manakala binatang ternakan di lapisan tengah bahtera, dan kedudukan manusia pula di lapisan atas bahtera. Walaupun begitu, pernyataan tersebut berbeza pula dengan pernyataan daripada *Tafsir al-Baghawi*. Dalam *Tafsir al-Baghawi*



dinyatakan bahawa kedudukan manusia dalam bahtera Nabi Nuh adalah di lapisan tengah, dan di lapisan atas pula adalah burung-burung. Oleh itu, perbezaan seperti ini menyebabkan langkah kelima ini teraplikasi.

Selain itu, pengaruh intrinsik dalam menggunakan *Tafsir al-Baghawi* ini dapat dilihat apabila aspek-aspek yang dibahas dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* menyamai dengan aspek-aspek perbincangan dalam *Tafsir al-Baghawi*, seperti aspek Hadist *Nabawi* dan *Al-Isra'iliyyat* (Nazri Ahmad, 2004). Manakala pengaruh ekstrinsik pula terlihat apabila teks pengarang sejajar pula dengan teks daripada *Tafsir al-Baghawi* tersebut. Hal ini membuktikan bahawa beliau telah menjadikan karya ini sebagai rujukannya, di samping mengambil lima langkah dalam menggunakan teks rujukan yang diambil guna dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*.

**Mengenai Tujuan dan Kesan Pengambilan Teks yang Dirujuk Pengarang.** Berdasarkan penyelidikan dan analisis yang telah dibuat, kajian mendapati bahawa Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi hanya mempunyai satu tujuan sahaja ketika merujuk teks daripada *Tafsir al-Baghawi*. Tujuan yang dimaksudkan ialah beliau hanya semata-mata ingin memperkukuh dan memperkuat tafsiran dan huraian yang telah dibuat. Walaupun begitu, kajian juga mengenalpasti bahawa pengarang memperoleh dua keputusan dalam merealisasikan tujuannya, iaitu berjaya dan gagal.

Kejayaan pengarang terhasil apabila teks yang ditulis mengenai sesuatu aspek, misalnya Hadist *Nabawi* dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* selari dan sejajar dengan teks yang dirujuk daripada *Tafsir al-Baghawi*, sama ada kesejajaran itu menepati bentuk teks atau pun isi teks. Manakala pengarang gagal merealisasikan tujuannya itu apabila teks yang ditulis bertentangan pula dengan teks yang dirujuk.

Hal yang tersebut itu dapat dilihat menerusi contoh yang telah diberikan dimana pengarang telah menyatakan bahawa kedudukan binatang buas didalam bahtera Nabi Nuh adalah di lapisan bawah, manakala binatang ternakan di lapisan tengah bahtera, dan kedudukan manusia pula di lapisan atas bahtera (Said bin Umar, 1391 H/1970); sedangkan menurut teks asal daripada *Tafsir al-Baghawi* yang dirujuk menyatakan bahawa kedudukan manusia dalam bahtera Nabi Nuh adalah di lapisan tengah, dan di lapisan atas pula adalah burung-burung (al-Baghawi, 1409 H/1988 M). Nukilan seperti ini mengelirukan pembaca dan masyarakat, sekaligus membuatkan tujuan dan hasrat pengarang pada bahagian ini telah gagal.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, artikel ini menyimpulkan bahawa pendekatan genetik yang telah diterapkan dalam menjalankan penyelidikan merupakan sebuah pendekatan kajian bandingan dalam bidang kesusasteraan. Pendekatan yang digunakan ini bertujuan mengesan pengaruh-pengaruh yang telah mempengaruhi sebuah karya dengan membuat perbandingan di antara satu pengaruh dengan pengaruh yang lain.

Pendekatan ini melibatkan tiga pola, iaitu: kajian sumber, kajian pengantara, dan kajian penerimaan. Kajian ini mengaplikasi kajian sumber dan kajian penerimaan dalam menganalisis dan mengenal-pasti rujukan asal bersumberkan *Tafsir al-Baghawi* yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi ketika menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*, di samping memperlihatkan bagaimana Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi memmanifestasi teks yang dirujuk kedalam karyanya.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, *Tafsir al-Baghawi* digunakan sebagai rujukan oleh Syeikh

Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi terhadap dua aspek yang terkandung dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu Hadist *Nabawi* dan *Al-Isra'aliyyat*. Taburan teks berkenaan ialah lapan teks mengenai Hadist *Nabawi* dan empat teks *Al-Isra'aliyyat*.


Selain itu, ketika pengarang memetik dan menggunakan teks *Tafsir al-Baghawi*, beliau menggunakan lima bentuk ambilan teks, dimana beliau telah menukil teks secara sejajar, iaitu: (1) teks yang ditulis menyamai dengan teks yang dirujuk untuk melengkapi bentuk dan maksud teks; (2) menukil teks secara abstrak, iaitu pengarang menulis teks baharu yang bertepatan dengan maksud teks daripada *Tafsir al-Baghawi*; (3) menggugurkan sebahagian kalimah yang terdapat dalam teks yang diambil, disebabkan teks berkenaan terlalu panjang; (4) menambah huraian dalam teks yang diambil apabila difikirkan perlu dibuat penambahan; dan (5) menyanggah sebahagian teks yang dirujuk, disebabkan pengarang telah tersilap ketika menterjemah sebahagian teks yang dirujuk daripada *Tafsir al-Baghawi*.

Oleh yang demikian, artikel ini membuktikan bahawa Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam menghasilkan karya berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan* tidak menggunakan fakta-fakta yang tidak berasas, atau menggunakan pendapat sendiri dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*, bahkan beliau telah menjadikan *Tafsir al-Baghawi* sebagai salah satu karya yang menjadi rujukannya dalam mentafsirkan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

## Bibliografi

- Abdul Aziz, Sohaimi. (2001). *Kesusasteraan Bandingan: Perkembangan dan Pendekatan Praktis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rahman, Abdul Razak. (2010). "Mengenal Tuan Haji Saaid Mufti Ulama Tersohor di Alam Melayu". *Kertas kerja* dibenteng dalam Seminar Ulama Melayu di Dewan Seminar, Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
- Ahmad, Ali. (1988). "Pengajian Kesusasteraan: Beberapa Pendekatan Ekstrinsik" dalam Hamzah Hamdani [ed]. *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Baghawi, Muhy al-Sunnah Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud. (1409 H/1988 M). *Tafsir al-Baghawi*. Al-Riyad: Dar Tayyibah.
- al-Subhan Wa'iz, Muhib al-Din bin 'Abd. (1427 H). *Al-Tarbiyyah al-Qur'aniyyah wa Atharuhu 'Ala al-Fard wa al-Mujtama'*. Makkah al-Mukarramah: Jami'at Um al-Qura.
- Basmeih, Abdullah. (2000). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Bukhari Lubis, Muhamad. (1994). "Pendekatan Genetik dalam Kesusasteraan Bandingan: Beberapa Pengantar Awal" dalam Jaafar Husin [ed]. *Pengantar Kesusasteraan Bandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Endraswara, Suwardi. (2011). *Metodologi Penelitian Sastra Bandingan*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Caps.
- Ismi bin Mat Taib, Muhammad. (2003). "Israiliyyat dalam Tafsir: Kajian terhadap Kitab Nur al-Ihsan, Karya Haji Muhammad Sa'id bin 'Umar". *Disertasi Sarjana Pengajian Islam Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: UM [Universiti Malaya].
- Itr, Nur al-Din. (1996). *Ulum al-Qur'an al-Karim*. Damsyik: Matba'at al-Sabah.
- Junus, Umar. (1996). *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mujizah. (2012). *Metasastra*. Bandung, Indonesia: Alqa Print.
- Nazri Ahmad, Mohd. (2004). *Isra'liyyat: Pengaruh dalam Kitab Tafsir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rajab, Zamri & Kaseh Abu Bakar. (2011). "Penggunaan Shahid Al-Qur'an dalam Kitab Sharh Ibn Aqil dan Sharh Qatr Al-Nadā wa Bal al-Sadā Bab al-Marfu'at: Satu Kajian Bandingan" dalam *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 11(2), ms.83-98.
- Razak Hj Othman, Abdul. (2012). "Tafsir Nur al-Ihsan: Satu Pengenalan" dalam *Temubual [majalah]*. Kuala Lumpur: 07 Julai.
- Ronidin. (2011). "Malin Kundang, Ibunya Durhaka" dalam *Lingua Didaktika*, Vol.4, No.2, ms.114-125.
- Said bin Umar, Muhammad. (1391 H/1970 M). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Fatani, Thailand: Matba'ah bin Halabi.
- Sadi Hutomo, Suripan. (1993). *Merambah Matahari: Sastra dalam Perbandingan*. Surabaya, Indonesia: Penerbit Gaya Masa.
- Shaw, J.T. (1990). "Keberhutangan Kesusasteraan dan Kajian Sastera

- Bandingan” dalam Newton P. Stallknecht & Horst Frenz [eds]. *Sastera Perbandingan: Kaedah dan Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheh Yusuff, Mohd Sholeh. (2013a). “Bacaan Intertekstual Teks Fadilat dalam Tafsir Nūr al-Iḥsān” dalam *Jurnal Usuluddin*, 37, ms.33-55.
- Sheh Yusuff, Mohd Sholeh. (2013b). “Tafsir Nur al-Ihsan by Syeikh Muhammad Sa’id: An Intertextual Reading” dalam *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol.3, No.10, ms.164-171.
- Sitepu, Gustaf. (2009). *Strukturalisme Genetik Asmaraloka*. Medan, Indonesia: Penerbit USU [Universitas Sumatera Utara] Press.
- Wan Abdullah, Wan Nasyrudin. (2008). “Tafsir Tarjuman al-Mustafid: Kajian Intertekstualiti”. *Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: UM [Universiti Malaya].
- Zaim bin Ismail, Mohd Nazimi. (2010). “Kajian Takhrij Hadith dalam Tafsir Nur al-Ihsan”. *Disertasi Sarjana Sastera Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: USM [Universiti Sains Malaysia].
- Zein Sinar, T. Thyrhaya. (2003). “Pancaran Filosofis Rabindranath Tagore dan Hinduisme pada Sanusi Pane: Satu Pendekatan Genetik” dalam *Studia Kultura*, No.3, Thn.2, ms.211-228.



***Tafsir Nur al-Ihsan* karya Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi**

(Source: [www.google.com](http://www.google.com), 17/8/2014)

Syeikh Muhammad Said bin Omar Qadi Jitra al-Qadhi dalam menghasilkan karya berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan* tidak menggunakan fakta-fakta yang tidak berasas, atau menggunakan pendapat sendiri dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*, bahkan beliau telah menjadikan *Tafsir al-Baghawi* sebagai salah satu karya yang menjadi rujukannya dalam mentafsirkan ayat-ayat suci Al-Qur'an.